

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan melakukan kajian atau analisis untuk membezakan tahap kekayaan, pendapatan bukan makan gaji, atau pendapatan individu sebelum cukai dan selepas cukai di kalangan rakyat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak melaksanakan sebarang kajian untuk membezakan tahap kekayaan, pendapatan bukan makan gaji, atau pendapatan individu sebelum cukai dan selepas cukai dalam kalangan rakyat. Namun, dalam menganalisis kedudukan sosio-ekonomi rakyat, beberapa sumber data dan maklumat boleh digunakan seperti Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR), Penyiasatan Tenaga Buruh dan lain-lain.

Penyiasatan berkenaan mengandungi data dan maklumat berhubung dengan pendapatan, kemiskinan, upah, gaji dan lain-lain. Hasilnya, data dan maklumat berkenaan digunakan untuk meneliti kedudukan jurang sosio-ekonomi antara rakyat dan wilayah. Sebagai contoh, tahap kekayaan dianalisis menggunakan data pendapatan isi rumah di bawah PPPIR. Isi rumah dalam kalangan rakyat boleh dibahagikan kepada tiga kelas pendapatan iaitu isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, isi rumah berpendapatan 40 peratus menengah dan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi.

Jurang pendapatan pula dikaji dengan melihat nisbah ketaksamaan pendapatan manakala keseimbangan agihan kekayaan dianalisis menggunakan pekali Gini. Di samping itu, pendapatan di bawah PPPIR bukan sahaja melihat upah tetapi pendapatan lain seperti elaun, bonus dan pendapatan berbentuk mata benda. PPPIR juga

menyediakan maklumat tentang pemilikan hartanah iaitu rumah dalam kalangan masyarakat.

Sekian. Terima kasih.